

KUMPULAN PENYELIDIK  
LOTONG CENEKAH

*mempersembah*

PRIMAT  
NEGERI  
JOHOR





# PENGENALAN

**Jom kenali 6 spesies primat  
Johor di Semenanjung Malaysia!**

Johor mempunyai warisan kekayaan dengan kepelbagaian hidupan yang memerlukan penghargaan dan perlindungan kita. Dalam brosur ini, kami berkongsi maklumat berkenaan primat, cabaran pemeliharaan yang mereka hadapi, dan bagaimana kita boleh membantu. Terdapat 4 kawasan tertera dalam peta merupakan tempat kita dapat melihat mereka dalam alam sekitar.



Aktif waktu siang



# LOTONG CENEKAH

(*Presbytis femoralis femoralis*)

---

Senarai Merah IUCN: **Terancam**

Lotong cenekah hanya terjumpa dalam negeri Johor dan Pahang di Malaysia, dan Singapura, tiada spesies ini terjumpa di lain tempat dunia ini. Ia berbulu hitam dan terdapat jalur warna putih di bahagian dada, lengan dalaman dan juga bawah paha. Ia jarang menurun ke atas tanah akibat sifatnya pemalu. Biasanya mereka silap dianggap sebagai lotong cengkung, bayi lotong cenekah dilahirkan berbulu putih, manakala bayi lotong cengkung berbulu jingga.





Aktif waktu siang



# LOTONG CENGGKUNG

(*Trachypithecus  
obscurus obscurus*)

---

**Senarai Merah IUCN: Sedikit Bimbang**

Lotong cengkung mempunyai bulatan warna putih tersendiri di sekitar mata dan mulut. Bayinya dilahirkan berwarna jingga. Subspesies ini hanya terjumpa di Semenanjung Malaysia, dari selatan Johor hingga ke utara Perlis. Makanan mereka terutamanya ialah daun, buah-buahan, dan bunga; kadang-kala mereka makan serangga. Ia bersifat kurang pemalu berbanding lotong cenekah, jadi lotong cengkung lebih mudah dijumpai.



Aktif waktu siang



# KERA

(*Macaca fascicularis fascicularis*)

## Senarai Merah IUCN: Sedikit Bimbang

Kera adalah Salah satu spesies monyet yang ketara terdapat di Asia dan monyet ini, monyet ini biasanya terdapat di sepanjang pinggir hutan, paya bakau, habitat persisiran pantai dan kawasan bandar. Spesies monyet ini mungkin merupakan spesies monyet pertama yang kami dapat berjumpa di alam sekitar. Ia mempunyai kebolehan adaptasi yang tinggi. Mereka makan buah-buahan, daun, dan binatang kecil seperti serangga dan ketam.



Aktif waktu siang



# BERUK

(*Macaca nemestrina*)

Senarai Merah IUCN: **Lemah ancaman**

Beruk mempunyai ekor pendek seperti khinzir. Ia mempunyai seurat rambut berwarna hitam di atas kepalanya, menjadikan mukanya serupa bentuk hati. Beruk mempunyai kebolehan adaptasi yang tinggi seperti monyet. Beruk sering makan buah-buahan atas tanah dan serangga kecil seperti tikus sekitar ladang.



Aktif waktu malam



# KONGKANG

(*Nycticebus coucang*)

Senarai Merah IUCN: **Lemah ancaman**

Kongkang boleh dijumpai di Semenanjung Malaysia, Singapura, Indonesia (Pulau Sumatra), dan Thailand. Ia makan gusi, buah-buahan, serangga, telur burung dan daun. Kongkang menjadi aktif pada waktu malam, jadi sukar terjumpa pada waktu siang. Walaupun kongkang bergerak perlahan, sebenarnya ia boleh bergerak pantas semasa kecemasan. Kongkang merupakan primat yang hanya berbisa di dunia. Ia boleh menghasilkan toksin dan air liur





Aktif waktu siang



# UNGKA

(*Hylobates lar lar*)

---

Senarai Merah IUCN: **Terancam**

Ungka tidak mempunyai ekor. Subspesies ini hanya terdapat di Semenanjung Malaysia. Mereka makan buah-buahan, tunas, daun dan serangga. Ia sukar dijumpai, tetapi suara teriakannya bergema di dalam hutan (biasanya pada waktu pagi). Ungka berayun dari pokok ke pokok dengan lengan panjang mereka.



# ANCAMAN

## **Kehilangan Habitat**

Penebangan hutan akibat ladang kelapa sawit, lebuhraya dan jalan raya telah memusnahkan kediaman dan sumber makanan mereka. Keadaan ini menyebabkan pengurangan populasi dan kepupusan setempat.

## **Pemburuan dan perdagangan haiwan peliharaan**

Primat tertangkap daripada alam sekitar diperdagangkan sebagai haiwan peliharaan. Mereka juga digunakan sebagai daya tarikan ke tempat tumpuan pelancongan. Aktiviti ini adalah zalim, menyebabkan haiwan liar ini terkurung dalam sangkar. Bahagian anggota mereka dimakan atau dijual sebagai ubat tradisional, tetapi realitinya ia tidak mampu merawat penyakit atau menggalakan kesihatan.

## **Konflik antara manusia dan binatang liar**

Selepas binatang liar kehilangan tempat tinggal mereka, mereka mula mendekati orang dan kawasan bandar. Memberi makanan kepada mereka adalah berbahaya kepada mereka, keadaan ini juga menyebabkan mereka memilih mendekati orang.

## APA YANG PERLU KAMU LAKUKAN SEKIRANYA TERJUMPA MEREKA?

### **Jangan memberi makanan kepada mereka**

Memberi makanan akan mengubah tingkah laku semula jadi mereka dan seterusnya menjadikan kebergantungan kepada manusia bagi mendapat makanan. Elakkan membawa beg plastik dan makan di hadapan mereka.

### **Biarkan mereka sahaja**

Menggoda dan menyentuh mereka akan menggalakkan mereka bertindak agresif kepada orang. Sentiasa memastikan jarak sepanjang 4 hingga 5 meter (panjang sebuah kereta) daripada mereka.

### **Ambil tindakan!**

Jangan menyimpan primat liar sebagai haiwan peliharaan. Keadaan ini menzalimi mereka dan juga berbahaya kepada kamu. Laporkan perdagangan dan pemilikan haiwan liar kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) melalui panggilan 1800-885-151 (Hotline) atau +60 19-356 4194 (Whatsapp).

*\*Status IUCN tepat mengikut penilaian pada tahun 2015*

## DITERBIT OLEH

Kumpulan Penyelidik Lotong Cenekah



Jane Goodall Institute (Singapore)

## DITAJA OLEH



Wildlife Reserves Singapore  
Conservation Fund



## RAKAN KERJASAMA



## KREDIT FOTO

*Andie Ang | Sabrina Jabbar | Vilma D'Rozario*

## DITERJEMAH OLEH

*Chai Pin Kang*

## REKABENTUK BROSUR

*Jacqueline Wong*